

## DUA BERADIK MAUT RUMAH TERBAKAR

# Dengar jeritan mangsa minta tolong

**Bapa saudara kesal gagal menyelamatkan dua beradik**

NURUL FIRDAUS KHAIRI DAN  
NURUL ATIQ AHMAD BANDI

KUALA LANGAT

**T**erikan minta tolong anak saudara masih lagi dalam ingatan. Demikian luahan Khamijas Ngainan, 52, bapa saudara kepada dua beradik yang terkorban dalam kebakaran di rumah di Jalan Utama, Kampung Endah di sini awal pagi semalam.

Menurutnya, dia

cuba menyelamatkan mereka ikut pintu belakang rumah tetapi api sudah marak.

"Pada awalnya jeritan mereka kuat kedengaran, namun makin lama makin perlahan sehingga tiada lagi suara mereka.

"Waktu tu jam 2.30 pagi saya dan isteri baru pulang dari berniaga di restoran kami di Kanc-hong Darat dan sebaik tiba di rumah tiada apa yang berlaku.

"Namun apabila saya masuk saja dalam rumah, saya terlihat api sudah menjulang tinggi, saya dan isteri berlari ke rumah adik," katanya yang kesal kerana tidak dapat menyelamatkan mangsa.



Kedudukan rumah mangsa yang terbakar di Kampung Endah Kuala Langat awal pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 2.30 pagi itu, mangsa, Nur Salsabila Mohd Fakrul, 15, dan Nur Ain Sumayyah Mohd Fakrul, 13, tinggal berdua di dalam rumah. Ibu bapa mereka keluar kerana menyediakan makanan untuk

anggota bomba memadamkan kebakaran kilang kimia di Pelabuhan Klang malam semalam.

Khamijas berkata, dia yang tinggal berhadapan rumah adiknya, Serihayati Ngainan, 48, pada ketika itu melihat api sudah mula

marak dan berlari untuk menyelamatkan anak saudaranya.

Sementara itu, isteri Khamijas, Juvita Wahab, 51, berkata, suaminya agak terkilang kerana tidak dapat membantu kedua-dua anak saudaranya yang sudah dianggap seperti anak sendiri.

Katanya lagi, dua beradik itu sering tinggal bersendirian kerana ibu bapa mereka berniaga makanan di Hentian Rehat dan Rawat Pulau Indah.

"Kebetulan malam semalam ibu bapa mereka mendapat tempahan menyediakan makanan untuk anggota bomba yang bertugas memadamkan kebakaran di kilang kimia di Pulau Indah," katanya.



Pihak bomba sedang menjalankan siasatan kebakaran yang berlaku di rumah mangsa di Kampung Endah semalam.



## Litar pintas punca kebakaran

KUALA LANGAT - Litar pintas dikenal pasti sebagai punca kebakaran rumah di Jalan Utama, Kampung Endah, Kuala Langat yang mengorbankan dua beradik.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Azizan

Tukiman berkata, siasatan awal forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengesahkan kebakaran berlaku akibat litar pintas dan tiada unsur jenayah dikesan dalam kebakaran itu. "Kebakaran melibatkan

sebuah rumah kampung yang 100 peratus kayu dan hangus tidak sampai sejam.

"Rumah ini didiami lima sekeluarga dan ketika kejadian hanya ada dua mangsa perempuan adik beradik dalam rumah, abang mangsa di luar untuk makan manakala ibu bapa di Pelabuhan Klang untuk membekal makanan kepada petugas kebakaran kilang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azizan berkata, berdasarkan keterangan bapa saudara mangsa, kedua-dua remaja perempuan itu berlari-lari di dalam rumah untuk cuba melepaskan diri namun gagal.

"Kedua-dua mangsa dicam dan disahkan oleh ibu bapa serta bapa saudara, proses bedah siasat juga sudah dilaksanakan dan punca kematian akibat terbakar," katanya.

Sementara itu, Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Hafisham Mohd Noor Nur berkata, mayat kedua-dua pelajar

tingkatan tiga dan satu Sekolah Menengah Batu Laut, Tanjong Sepat itu terperangkap di dalam bilik tidur mereka ketika api sudah marak.

Menurutnya, mayat mereka ditemui dalam bilik yang sama oleh anggota bomba dan penyelamat setelah kebakaran dipadamkan sepenuhnya.

"Kami menerima panggilan kecemasan pada jam 2.48 pagi dan dua jentera bomba masing-masing sebuah dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting dan KLIA bersama 17 anggota digegaskan ke tempat kejadian dan tiba 15 minit kemudian.

"Ketika sampai api sedang marak membakar rumah yang diperbuat daripada papan itu dan pasukan kami bagaimanapun berjaya mengawal kebakaran dua minit kemudian dan api dipadamkan sepenuhnya selepas 10 minit," katanya.

Jenazah dibeekumikan di Tanah Perkuburan Islam Al-Tayyibin Kampung Endah sekitar jam 4 petang semalam



Mangsa Nur Salsabila (kiri) bersama adiknya Nur Ain Sumayyah.

### INFO KEBAKARAN

- Kejadian berlaku kira-kira jam 2.48 pagi di Kampung Endah, Kuala Langat.
- Mangsa Nur Salsabila Mohd Fakrul Khair, 15, dan adiknya Nur Ain Sumayyah, 13, dipercayai terperangkap dalam bilik tidurnya.
- Pihak bomba tiba ke lokasi kejadian pada jam 3.03 pagi dengan dua pasukan bomba dari Balai Banting dan KLIA.
- Rumah tersebut terbakar 100 peratus.



Jenazah dua beradik yang maut dalam kebakaran disembahyangkan di Masjid Al-Tayyibin Kampung Endah Semalam.



## DUA BERADIK MAUT RUMAH TERBAKAR

### Salsabila sering ajak ayahnya lumba makan

**KUALA LANGAT** - Mengimbu kenangan manis bersama anak sulungnya, Nur Salsabila, 15, bapa mangsa, Mohd Fakrul Khair Baharin, 41, berkata, anaknya itu sering mengajaknya untuk berlumba makan.

"Bila kenang detik itu, saya sedih sampai menitis air mata, biarlah isteri yang menceritakan gelagat anak-anak kami."

"Kami memang rapat, sehinggakan makan pun kami sanggup berlumba," katanya ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Banting semalam.

Mohd Fakrul yang ma-



Dr Xavier (kiri) memberi kata-kata semangat kepada Mohd Fakrul dan isterinya di Hospital Banting.

sih hiba dengan mata yang sedikit merah itu berkata, dia tidak sangka setelah menerima tempahan dari

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pelabuhan Klang untuk menyediakan makanan bagi

anggota bomba yang memadamkan kebakaran kilang kimia di Pelabuhan Klang itu, dia berdepan dengan detik hitam.

Menurutnya, dia dan isteri reda dengan pemergian kedua-dua anak perempuan mereka.

Dalam pada itu, keluarga mangsa turut menerima kunjungan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar di Hospital Banting.

Ahli Parlimen Kuala Langat itu turut hadir memberi sokongan kepada ahli keluarga mangsa yang terlibat dalam kebakaran.



Sebahagian bekas guru Sumayah menunjukkan gambar terakhir bersama Sumayah.

### Gelagat dua beradik dalam ingatan cikgu

**BANTING** - Gelagat si kakak memboncong basikal pada setiap hari akan sentiasa dalam ingatan guru.

Guru Sekolah Kebangsaan Kampung Endah, Siti Roselina Mohd Nasir, 42, menyifatkan kedua-dua adik beradik itu sering menjadi tumpuan ketika di sekolah rendah kerana sifatnya yang suka membantu.

"Nampak sahaja si kakak memboncong adiknya naik basikal masuk ke kawasan sekolah kami dah kenal."

"Mereka berdua ni pun budak bijak dan sentiasa tersenyum," katanya.

Seorang lagi bekas guru

mereka, Marlianna Muid, 35, yang kini mengajar di Sekolah Kebangsaan Bandar Banting berkata, dia tidak sangka kedua beradik itu telah tiada.

Katanya, dia mendarat tahu mengenai kejadian itu melalui aplikasi WhatsApp rakan-rakannya.

"Bila tahu berita ini memang kami sedihlah dan datang ke hospital terus untuk memberi kekuatan kepada keluarganya."

"Alhamdulillah, kami dapat berjumpa keluarganya hari ini (semalam)," katanya ketika ditemui di Hospital Banting semalam.

## 'Tak sangka pergi pun bersama'



FOTO: ROSLI TALIB

Serihayati sebak ketika menceritakan kisah anaknya.

Jenazah dua beradik selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Endah semalam.

### Ibu sebak cerita rutin harian anak-anaknya mengaji al-Quran

NURUL FIRDAUS KHAIRI

BANTING

**M**enceritakan rutin harian anak-anaknya ibu mangsa, Serihayati Ngainan, 48, berkata, setiap kali selepas Maghrib mereka berdua akan mengaji bersama sehingga waktu solat Isyak.

Menurutnya, mereka akan menghadap satu sama lain dan memperbetulkan bacaan al-Quran masing-

masing.

"Si kakak akan membetulkan adik, si adik pula akan tegur kakaknya dalam bacaan itu."

"Kemudiannya barulah tunggu solat Isyak dan selepas selesai akan mengulang-kaji pelajaran bersama," katanya sebak menceritakan detik itu ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Banting semalam.

Serihayati berkata, pendek kata, segala-galanya dilakukan bersama termasuk pembahagian kerja rumah.

Katanya, mereka tidak pernah berpisah sehinggalah naik basikal ke sekolah pun kakak bawa adik sampai ke sekolah.

"Tak sangkalah mereka nak pergi pun bersama," katanya sedih.

### 'Semoga adik-adikku tenang di sana'

**SHAH ALAM** - "Moga diorang (mereka) tenang dekat sana amin." Demikian tulis Nur Iman Muqriz Muhd Fakrul Khair, 17, yang merupakan abang sulung kepada Nur Salsabila, 16, dan Nur Ain Sumayah, 13, yang maut dalam kebakaran di sebuah rumah di Jalan Utama, Kampung Indah, Kuala Langat semalam.

Dalam status InstaStory yang dimuat naik beberapa jam lalu, dia yang menggunakan akaun imanmuqriz turut memohon mereka yang mengenali adik-adiknya menghadiahkan al-Fatihah.

Status berkenaan turut disertakan dengan gambar dia bersama dua adik perempuannya itu.

Sementara itu, Nur Iman Muqriz yang juga pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Batu



Status InstaStory yang dimuat naik abang mangsa semalam.

Laut, Tanjung Sepat ketika dihubungi *Sinar Harian* berkata, hubungan dia dengan adik-adiknya sangat rapat.

"Adik-adik saya langsung tidak menunjukkan perlakuan atau tanda-tanda pelik mereka akan tinggalkan kami," katanya sebak.

Dalam kejadian awal pagi itu, mangsa ditemu-mukan meninggal dunia sewaktu operasi penyelamat dilakukan.